

UPMH, WHB tandatangan MoA projek pengeluaran bioarang

UPM Holdings Sdn Bhd (UPMH) dengan kerjasama Worldwide Holdings Berhad (WHB) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk projek perundingan pengeluaran biochar (bioarang) daripada serpihan kayu.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris berkata, perbincangan projek ini dimulakan pada Mac 2018 apabila Worldwide Landfills Sdn Bhd (WLSB), anak syarikat WHB melawat Kompleks Biorefineri di UPM.

Beliau berkata, kedua-dua pihak memutuskan untuk memulakan projek perundingan bernilai RM111,625 untuk tempoh enam bulan.

“Dalam projek ini, bahan buangan (serpihan kayu) yang sedia ada di WLSB akan digunakan sebagai bahan mentah untuk

pengeluaran biochar. Serpihan kayu akan dibekalkan WLSB dan dihantar ke Kompleks Biorefineri.

“Proses pengkarbonan untuk menghasilkan biochar dijalankan menggunakan teknologi UPM dengan kerjasama Kyushu Institute of Technology, Jepun (Kyutech). Teknologi yang digunakan ialah sistem bioreaktor jenis-kolam dengan kapasiti tiga hingga empat tan bahan mentah setiap kelompok.

“Biochar yang dihasilkan melalui proses ini akan digunakan sebagai biopenjerap untuk rawatan air sisa terutama untuk penggilapan akhir proses rawatan bahan larut resap di tapak pelupusan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis MoA di Makmal Teknologi Biomass, Kompleks Biorefineri, UPM, di sini, semalam.